

e-Lingua 1/2025

JANUARY 2025



Academy of Language Studies
UiTM Cawangan Pulau Pinang



Table of contents



<u>From the Editorial Team</u>	3
<u>Department News & Reports</u>	4
<u>Club News & Report</u>	27
<u>Self-Love First</u>	39
<u>Travelling</u>	46
<u>Home Garden</u>	58
<u>Teaching & Learning</u>	64
<u>Lecturer's Contribution</u>	68
<u>Creative Writing</u>	81
<u>The Team</u>	90



66

Satu Pagi di Bawah Langit Kampus

oleh: Rofiza Abao Bakar

Jam menunjukkan pukul lapan pagi. Para pelajar pra-diploma dari kumpulan PAS0021A1/2 telah pun menanti dengan penuh semangat dengan pakaian sukan mereka. Janji saya pada mereka untuk berjumpa di hadapan wakaf masjid universiti telah saya tepati. Bungkus nasi lemak, kuih-muih dan balang air teh panas kami simpan dengan rapi di dalam masjid supaya tidak dijadikan habuan oleh semut-semut liar dan kelaparan.

Kemudian, bersama-sama, kami berjalan di bawah langit kampus menghayati keindahan alam. Langit sungguh cerah. Pohon-pohon pula melambai lembut seakan-akan menyapa kami. Ada antara pohon-pohon itu merupakan tinggalan dari Projek Hijau oleh mantan Rektor, Profesor Dr. Salmiah Kasolang.

Langkah demi langkah, kami saksikan sekawan bangau putih bertenggek tenang di tepi padang bola dan kucing-kucing tanpa tuan yang bersantai di bawah pokok yang rendah. Saya pinta para pelajar cetuskan idea dan undang inspirasi untuk mencipta kalam-kalam indah dalam bentuk ayat majmuk Bahasa Inggeris. Saya pinta mereka merangkai kata-kata yang menggambarkan keindahan dalam kampus yang jarang disedari. Antara ayat yang dapat kami cipta bersama adalah:

1. The white herons were resting gracefully by the football field's edge, and the cats lay sprawled in the shade.
2. We strolled past trees swaying in the gentle breeze, while birds chirped in the background.
3. The hostels stood quietly in the distance, and we marvelled at the towering trees which protect the campus with their gentle shade.
4. The trees around UITM Penang swayed gently, and their leaves danced softly in the morning light.

Namun, jauh di sudut hati, saya berharap agar pengalaman ini lebih daripada sekadar aktiviti Bahasa Inggeris. Di sebalik keindahan pemandangan, tersembunyi pengajaran tentang adab – adab memasuki masjid dengan ketenangan dan rasa hormat, adab menikmati rezeki dengan penuh syukur, adab membersihkan diri dan persekitaran selepas makan. Setiap langkah diiringi dengan harapan agar mereka tidak hanya melihat alam, tetapi juga merasakan nilai-nilai murni yang menjadi sebahagian dari kehidupan yang bermakna.

Dengan hati yang penuh harapan, saya ingin pelajar-pelajar ini memahami bahawa ilmu bukan sekadar pengetahuan di bilik kuliah, tetapi juga kekayaan jiwa yang disemai melalui pengalaman hidup dan penghargaan terhadap alam. Biarlah kenangan pagi ini menjadi titisan hikmah yang menyuburkan peribadi mereka, melahirkan insan yang bukan sahaja bijak, tetapi juga beradab, penuh dengan rasa tanggungjawab dan cinta kepada kehidupan. Sesungguhnya, kurniaan Tuhan akan satu pagi di bawah langit kampus ini amat bermakna dalam tahun-tahun terakhir saya sebagai pensyarah.



Penulis bersama-sama sebahagian pelajar PAS0021A1/2

